



**ATURAN-ATURAN
KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN
BANK MUAMALAT (M) BERHAD**

**KUMPULAN WANG
KHAIRAT KEMATIAN**

**ATURAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN
KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
(KOPUTRA)**

SUSUNAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN

- 1. Nama**
- 2. Tafsiran**
- 3. Tujuan**
- 4. Sumber Dana**
- 5. Permohonan**
- 6. Kaedah Pembayaran**
- 7. Pentadbiran**
- 8. Penyata akaun**
- 9. Force majeure (Darurat)**
- 10. Liabiliti anggota**
- 11. Rekod**
- 12. Audit**
- 13. Pindaan Aturan**

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 1. | Aturan ini adalah dinamakan "Aturan Wang Khairat Kematian" KOPUTRA. | Nama |
| 2. | Melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya di dalam aturan ini maka :-

"Aturan" ertinya Aturan Wang Khairat Kematian dan sebarang pindaan dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"Kumpulan wang" bermaksud Kumpulan Wang Khairat Kematian KOPUTRA yang disenggara oleh KOPUTRA daripada sumbangan anggota yang dipotong daripada dividen tahunan dan/atau potongan gaji;

"ALK" ertinya Anggota Lembaga KOPUTRA.

"UUK" ertinya Undang-undang Kecil KOPUTRA. | Tafsiran |
| 3. | (a) Aturan-aturan ini diwujudkan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

(b) Tujuan kumpulan wang ini adalah untuk membayar sejumlah wang sebanyak RM4,000.00 (Ringgit Malaysia empat ribu) kepada penama atau wakil simati yang sah dari segi undang-undang mengikut mana yang berkenaan sekira meninggalnya seseorang anggota. | Tujuan |
| 4. | Dana bagi Tabung Khairat Kematian diperolehi daripada sumbangan anggota KOPUTRA sebanyak RM20.00 setahun. | Sumber Dana |
| 5. | Permohonan bagi pembayaran daripada kumpulan wang ini hendaklah dibuat oleh waris simati yang sah dari segi undang-undang dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kematian. Permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan surat perakuan kematian (sijil kematian) anggota yang meninggal dunia yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). | Permohonan |
| 6. | Sebaik sahaja pengesahan kematian diperolehi, bayaran bolehlah dibuat kepada waris anggota yang meninggal dengan pendahuluan sebanyak RM1,000.00 dan baki selebihnya dibayar selepas penerimaan sijil kematian. | Kaedah Pembayaran |

Waris anggota adalah penama yang tercatat dalam rekod penama KOPUTRA.

- | | |
|--|------------------------------|
| 7. Bayaran dari kumpulan wang ini hendaklah diluluskan oleh satu (1) jawatankuasa yang dilantik di dalam Mesyuarat ALK. Kelulusan bayaran adalah 2/3 daripada jawatankuasa. | Pentadbiran |
| 8. ALK hendaklah melaporkan transaksi dan baki kumpulan wang bersama dengan akaunnya yang teraudit pada laporan tahunan KOPUTRA untuk maklumat anggota KOPUTRA setiap tahun. | Penyata akaun |
| 9. Jika berlaku peperangan, kekacauan awam, rusuhan, wabak penyakit atau apa-apa bencana alam, ALK boleh sekiranya dianggap perlu demi kepentingan koperasi, menggantung pengendalian kumpulan wang ini sehingga mesyuarat agung perwakilan koperasi yang berikutnya bagi mendapatkan kelulusan. Bayaran dari kumpulan wang tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi mana-mana tuntutan yang mungkin dibuat semasa tempoh ini. | "Force majeure"
(Darurat) |
| 10. KOPUTRA berhak menuntut bayaran sumbangan daripada anggota bagi tujuan mengendalikan Tabung Khairat ini. | Liabiliti anggota |
| 11. Segala rekod-rekod berhubung penerimaan dana, permohonan dan pembayaran tuntutan, penyelenggaraan akaun berhubung dengan Tabung Khairat ini hendaklah diselenggara oleh pengurusan dan diluluskan oleh jawatankuasa yang dilantik. | Rekod |
| 12. Akaun Tabung Khairat ini hendaklah diaudit oleh Juruaudit KOPUTRA. | Audit |
| 13. Sebarang perubahan dan pindaan perlu dibawa dan dibentangkan dalam MAPT untuk kelulusan dan ianya perlu dimaklumkan kepada anggota melalui resolusi pekeliling anggota. | Pindaan Aturan |

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA Kali Ke 29 pada 9 Mei 2015.



Pengerusi



Setiausaha



Bendahari